

BAHASA MELAYU



iCare PATIENT2
iCare EXPORT

Panduan Pantas

iCare PATIENT2 & EXPORT
Panduan Pantass untuk
telefon mudah alih dan PC

Rx Sahaja (A.S.)

icare



Baca Panduan Pantas ini sebelum menggunakan iCare PATIENT2. Ikuti arahan langkah demi langkah.

Jika anda memerlukan bantuan untuk menggunakan aplikasi PATIENT2, sila hubungi ahli profesional penjagaan kesihatan anda atau pengedar iCare.

Panduan Pantas PATIENT2 untuk Android

Langkah

Halaman

1	Mula menggunakan aplikasi iCare PATIENT2	4
2	Gandingkan tonometer melalui Bluetooth dan pindahkan ukuran	5
3	Gandingkan tonometer melalui USB dan pindahkan ukuran	7
4	Log masuk	8
5	Fungsi graf dan jadual	9

Panduan Pantas PATIENT2 untuk iOS

Langkah

Halaman

1	Mula menggunakan aplikasi iCare PATIENT2	12
2	Gandingkan tonometer dengan peranti mudah alih anda	13
3	Pindahkan ukuran dan Log masuk	15
4	Fungsi graf dan jadual	17
5	Hidupkan Bluetooth pada Tonometer	19

Panduan Pantas PATIENT2 untuk Android

Pesakit boleh menggunakan iCare PATIENT2 untuk melihat hasil pengukuran IOP mereka dan untuk memindahkan hasil ke iCare CLINIC atau iCare CLOUD. Ahli profesional penjagaan kesihatan hanya boleh menggunakan aplikasi iCare PATIENT2 untuk memindahkan hasil pengukuran IOP ke iCare CLINIC.




Pastikan masa dan tarikh pada peranti mudah alih yang dipasang dengan aplikasi iCare PATIENT2 adalah betul.




Sebelum mengambil ukuran, kemas kinikan masa tonometer kepada waktu tempatan anda secara manual daripada tetapan tonometer atau secara automatik dengan menyambungkan tonometer kepada aplikasi iCare PATIENT2 atau kepada perisian iCare EXPORT.




2




3



4



5



1

Muat turun apl iCare PATIENT2 daripada Google Play Store.



2

Tekan butang **START USING THE APP** (MULA MENGGUNAKAN APL).

3

Pilih kawasan kediaman anda. Pilih tempat data IOP anda akan disimpan.

4

Tatal ke bawah dan baca Terma perkhidmatan, kemudian berikan persetujuan anda.


5

Pilih model tonometer anda.

Gandingkan tonometer melalui Bluetooth dan pindahkan ukuran




Untuk Android | 5




- 1 Pilih kaedah penggandingan.
- 2 Pergi ke tetapan telefon pintar anda dan hidupkan Bluetooth.
- 3 Bluetooth tonometer dihidupkan secara lalai. Jika ini tidak berlaku, lihat Bab "Hidupkan Bluetooth pada Tonometer" untuk membaca arahan. Benarkan permintaan yang digesa pada peranti mudah alih anda untuk meneruskan penggandingan.
- 4 Ketik pada tonometer yang memaparkan nombor siri tonometer anda. Ketik **PAIR TONOMETER** (GANDINGKAN TONOMETER).

PERHATIAN! Jika sebelum ini anda telah menggandingkan tonometer anda melalui kabel USB dan ingin menggunakan Bluetooth, anda perlu menggandingkannya semula.




- 5 Masukkan kod PIN yang ditunjukkan pada tonometer. Ketik **OK**.
- 6 Tonometer kini berjaya digandingkan. Ketik **CONTINUE** (TERUSKAN).
- 7 Anda kini sudah sedia untuk mula menggunakan aplikasi ini. Selepas mengukur IOP anda, ketik **SYNC** (SEGERAK) untuk memindahkan hasil pengukuran ke awan.
- 8 Jika pop timbul yang meminta bukti kelayakan iCare anda muncul, taipkan nama pengguna dan kata laluan ATAU kod keselamatan anda yang diberikan oleh pembekal penjagaan kesihatan anda.

Rujuk Panduan Bermula HOME2 untuk mengetahui cara mendapatkan bukti kelayakan iCare.



- 1 Ketik **USB CABLE** (KABEL USB).
- 2 Selepas mengambil ukuran, sambungkan tonometer anda kepada telefon menggunakan kabel USB yang disediakan. Gunakan penyesuai yang disediakan jika perlu.
- 3 Jika pop timbul yang meminta bukti kelayakan iCare anda muncul, taipkan nama pengguna dan kata laluan ATAU kod keselamatan anda yang diberikan oleh pembekal penjagaan kesihatan anda.
- 4 Data ukuran dipindahkan secara automatik.
- 5 Cabut kabel USB selepas ukuran selesai dipindahkan.



Rujuk Panduan Bermula HOME2 untuk mengetahui cara mendapatkan bukti kelayakan iCare.




- 1 Log masuk dengan bukti kelayakan iCare anda.
- 2 Ketik **MEASUREMENT** (Ukuran) untuk melihat hasil pengukuran IOP anda.

PERHATIAN! Untuk maklumat tentang cara mendapatkan bukti kelayakan iCare, baca Panduan Bermula dalam beg pembawa tonometer.

Hasil pengukuran dipadamkan daripada memori tonometer selepas disimpan dalam awan.





Putar untuk melihat graf
secara mendatar

Measurements

GRAPH TABLE

Wednesday, 9 September 2020


Time	IOP mmHg
WED 9 20.59	13 Right
20.59	10 Left
15.57	14 Right
15.57	11 Left
11.23	11 Right
11.23	11 Left
6.11	19 Right
6.11	14 Left
TUE 8 20.42	11 Right
20.42	10 Left

Ketik **TABLE** (JADUAL) untuk
melihat ukuran dalam format
senarai

Pilih tarikh daripada

Tatal senarai tersebut

Ketik untuk melihat kualiti
ukuran



Panduan Pantas PATIENT2 untuk iOS

Pesakit boleh menggunakan iCare PATIENT2 untuk melihat hasil pengukuran IOP mereka dan untuk memindahkan hasil ke iCare CLINIC atau iCare CLOUD. Ahli profesional penjagaan kesihatan hanya boleh menggunakan aplikasi iCare PATIENT2 untuk memindahkan hasil pengukuran IOP ke iCare CLINIC.




Pastikan masa dan tarikh pada peranti mudah alih yang dipasang dengan aplikasi iCare PATIENT2 adalah betul.




Sebelum mengambil ukuran, kemas kinikan masa tonometer kepada waktu tempatan anda secara manual daripada tetapan tonometer atau secara automatik dengan menyambungkan tonometer kepada aplikasi iCare PATIENT2 atau kepada perisian iCare EXPORT.


2



3



4



1

Muat turun apl iCare PATIENT2 daripada App Store.



2

Tekan butang "START USING THE APP" (MULA MENGGUNAKAN APL).


3

Pilih kawasan kediaman anda. Pilih tempat data IOP anda akan disimpan.


4

Tatal ke bawah dan baca Terma perkhidmatan, kemudian berikan persetujuan anda.


3a



3b



4



1

Bluetooth Tonometer dihidupkan secara lalai. Jika ini tidak berlaku, lihat Bab "Hidupkan Bluetooth pada Tonometer" untuk membaca arahan.

2

Pergi ke tetapan peranti mudah alih anda dan hidupkan Bluetooth.

3




Ketik **SCAN DEVICES** (IMBAS PERANTI). Jika apl meminta kebenaran untuk menggunakan Bluetooth, ketik OK.

4

Ketik pada tonometer dengan nombor siri yang berkenaan.

5



Ketik **PAIR TONOMETER** (GANDINGKAN TONOMETER).



6 Masukkan kod PIN yang ditunjukkan pada tonometer. Ketik **Pair** (Gandingkan).

7 Tonometer kini berjaya digandingkan. Ketik **CONTINUE** (TERUSKAN).


8 Anda kini sudah sedia untuk mula menggunakan aplikasi ini.



- 1 Selepas mengukur IOP anda, ketik **SYNC** (SEGERAK) untuk memindahkan hasil pengukuran ke awan.
- 2 Jika pop timbul yang meminta bukti kelayakan iCare anda muncul, taipkan nama pengguna dan kata laluan ATAU kod keselamatan anda yang diberikan oleh pembekal penjagaan kesihatan anda.

Rujuk Panduan Bermula HOME2 untuk mengetahui cara mendapatkan bukti kelayakan iCare.



Hasil pengukuran dipadamkan daripada memori tonometer selepas disimpan dalam awan.




3 Log masuk dengan bukti kelayakan iCare anda.


4 Ketik **MEASUREMENTS** (UKURAN) untuk melihat sejarah pengukuran IOP anda.

PERHATIAN! Untuk maklumat tentang cara mendapatkan bukti kelayakan iCare, baca Panduan Bermula dalam beg pembawa tonometer.







Putar untuk melihat graf secara mendatar



Ketik **TABLE** (JADUAL) untuk melihat ukuran dalam format senarai

Pilih tarikh daripada 







Tatal senarai tersebut

Ketik  untuk melihat kualiti ukuran



Pegang tonometer secara menegak untuk mengikuti arahan ini.

Bluetooth pada tonometer anda diaktifkan secara lalai sebagai tetapan kilang. Untuk memeriksa sama ada Bluetooth sudah diaktifkan pada tonometer atau untuk menghidupkannya, ikuti arahan di bawah.


- 1 Tekan  untuk menghidupkan tonometer.
- 2 Tekan  sehingga anda nampak **SETTINGS** (TETAPAN) pada skrin tonometer dan tekan .
- 3 Jika Bluetooth tidak dihidupkan, Tekan  untuk masuk ke menu **BLUETOOTH**.
- 4 Tekan  sehingga anda nampak **TURN ON** (DIHIDUPKAN) dan tekan .

icare EXPORT
Panduan Pantas (Untuk Win-
dows sahaja)

iCare EXPORT

Panduan Pantas

icare



Baca Panduan Pantas ini sebelum menggunakan iCare EXPORT. Ikuti arahan langkah demi langkah.

Jika anda memerlukan bantuan untuk menggunakan perisian EXPORT, hubungi ahli profesional penjagaan kesihatan anda atau pengedar iCare.

Panduan Pantas EXPORT

Langkah

Halaman

- | | | |
|----------|---|----|
| 1 | Muat turun dan Sediakan iCare EXPORT | 22 |
| 2 | Sambung dan hantar ukuran menggunakan kabel USB | 24 |
| 3 | Sambung dan hantar ukuran melalui Bluetooth | 25 |


Pesakit boleh menyimpan data ukuran IOP mereka dalam akaun persendirian di iCare CLOUD, jika tonometer mereka tidak didaftarkan dengan akaun iCare CLINIC ahli profesional penjagaan kesihatan. Untuk maklumat tentang cara menyediakan akaun persendirian, baca Panduan Bermula dalam beg pembawa tonometer.



Pastikan masa dan tarikh komputer adalah betul semasa digunakan dengan iCare EXPORT.



Sebelum mengambil ukuran, kemas kinikan masa tonometer kepada waktu tempatan anda secara manual daripada tetapan tonometer, atau secara automatik dengan menyambungkan tonometer kepada aplikasi iCare PATIENT2 atau kepada perisian iCare EXPORT.



1 Muat turun iCare EXPORT daripada laman web berikut:


<https://www.icare-world.com/apps/export/>.

Klik dua kali pada fail iCare EXPORT Setup.exe.

2 Baca arahan pada Bestari Pemasangan dan klik **Next** (Seterusnya).

3 Terima perjanjian lesen perisian dengan memilih **I Agree** (Saya Setuju). Untuk meneruskan, klik **Next** (Seterusnya) sehingga pemasangan selesai.


4



6



7



4

Pilih **Cloud mode** (Mod awan) untuk menyimpan hasil pengukuran dalam iCare CLINIC atau CLOUD. Pilih **Local mode** (Mod setempat) untuk menyimpan ukuran pada PC anda.

5

Apabila pemasangan selesai, klik **Close** (Tutup).


6

Klik dua kali ikon **iCare EXPORT** pada desktop atau cari program di bawah menu **Windows Start**, di bawah folder **icare** dan mulakan program.

7

Anda boleh memilih bahasa daripada menu di bahagian bawah sebelah kanan.

1



3

iCare EXPORT

iCare EXPORT LOG IN

zcs5 Measurements saved!
All measurements were successfully posted to [TopsyEye](#)

Measurement time	IOP (Right eye)	Quality (Right eye)	IOP (Left eye)	Quality (Left eye)	PID
11/17/2021 1:24:10 PM	12	Excellent			
11/17/2021 1:23:59 PM			11	Excellent	
11/17/2021 1:21:18 PM			15	Good	

HOME2 2043AH0C

1834BM002 S/N

Copy Save as csv Open csv Create Report Clear device memory

1

Sambungkan tonometer anda ke PC anda menggunakan kabel USB yang disediakan.


2

Jika pop timbul yang meminta bukti kelayakan iCare anda muncul, taipkan nama pengguna dan kata laluan ATAU kod keselamatan anda yang diberikan oleh pembekal penjagaan kesihatan anda.

3

Tonometer menghantar hasil pengukuran ke pelayar secara automatik.

PERHATIAN! Sebaik sahaja anda telah memindahkan data, hasil pengukuran akan dipadamkan secara automatik daripada memori tonometer.




Dalam aplikasi iCare EXPORT

Untuk arahan ini, pastikan tonometer dan Bluetooth PC dihidupkan. Untuk arahan, lihat bab 5 tentang Cara menghidupkan Bluetooth pada Tonometer.

- 1 Pastikan tonometer dihidupkan sebelum anda menyambungkan tonometer ke iCare EXPORT.
- 2 Klik **Select BT Device** (Pilih peranti BT) pada bahagian bawah sebelah kiri.
- 3 Pilih nombor siri tonometer anda daripada menu ke bawah. Anda boleh mencari nombor siri (SN) pada label di belakang tonometer anda.
- 4 Masukkan kod PIN yang akan muncul pada skrin tonometer anda dan tekan **OK**

1



The screenshot shows the iCare EXPORT application window. At the top, there is a 'LOG IN' button. Below it, a notification states '2C55 Measurements saved! All measurements were successfully posted to TopEye'. A table displays the following data:

Measurement time	IOP (Right eye)	Quality (Right eye)	IOP (Left eye)	Quality (Left eye)	PID
11/17/2021 1:24:10 PM	12	Excellent			
11/17/2021 1:23:59 PM			11	Excellent	
11/17/2021 1:21:18 PM			15	Good	

Below the table, the device model 'HOME2 2043AH0C' is shown. At the bottom, there is a 'Copy' button for the ID '1834BM002 S/N', and buttons for 'Save as csv', 'Open csv', 'Create Report', and 'Clear device memory'.

1 Tonometer bersambung ke aplikasi iCare EXPORT dan menghantar hasil pengukuran ke iCare CLOUD atau akaun iCare CLINIC ahli profesional penjagaan kesihatan anda secara automatik.

2 Jika pop timbul yang meminta bukti kelayakan iCare anda muncul, taipkan nama pengguna dan kata laluan ATAU kod keselamatan anda yang diberikan oleh pembekal penjagaan kesihatan anda.

PERHATIAN! Sebaik sahaja anda telah memindahkan data, hasil pengukuran akan dipadamkan secara automatik daripada memori tonometer.



Icare Finland Oy

Äyritie 22
01510 Vantaa, Finland
Tel. +358 9 8775 1150
info@icare-world.com

Icare USA, Inc.

4700 Falls of Neuse Rd. Ste 245
Raleigh, NC. 27609
Tel. +1 888.422.7313 | Faks +1 877.477.5485
infoUSA@icare-world.com



Untuk maklumat lanjut,
baca manual arahan.



www.icare-world.com

icare

iCare ialah tanda dagangan berdaftar Icare Finland Oy, Centervue S.p.A., Icare Finland Oy dan Icare USA Inc. adalah sebahagian daripada Revenio Group dan mewakili jenama iCare. Tidak semua produk, perkhidmatan atau tawaran yang dirujuk dalam risalah ini diluluskan atau ditawarkan di setiap pasaran manakala pelabelan dan arahan yang diluluskan mungkin berbeza dari satu negara ke negara lain. Spesifikasi produk tertakluk kepada perubahan reka bentuk dan skop penghantaran serta hasil perkembangan teknikal yang berterusan.